



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100.-1/3/2 JLD.2 (50)
Tarikh : 09 Oktober 2020

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2020***

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN TAHAP PENGUSAHAAN
BAHASA INGGERIS BERDASARKAN PIAWAIAN *COMMON EUROPEAN
FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES* DALAM KALANGAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN OPSYEN BAHASA INGGERIS YANG
BERKHIDMAT DI INSTITUSI PENDIDIKAN/JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI/PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Berdasarkan Piawai *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Opsyen Bahasa Inggeris (PPP opsyen BI) yang berkhidmat di institusi pendidikan/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2020.

LATAR BELAKANG

2. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menetapkan bahawa setiap murid yang melalui sistem pendidikan di Malaysia perlu mahir dan fasih berbahasa Malaysia serta mahir berbahasa Inggeris pada tahap *independent*

proficiency seperti yang ditakrifkan oleh CEFR. Semua PPP opsyen BI perlu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris (BI) ke tahap *proficient*, iaitu tahap CEFR C1 atau C2 bagi memenuhi hasrat yang termaktub dalam PPPM 2013-2025.

3. Pelan ini telah diperkukuh dengan *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*, iaitu satu pelan pendidikan BI yang rapi dan bersepadu bagi memacu transformasi pendidikan BI di Malaysia secara sistematik dan strategik dari peringkat prasekolah hingga institusi pendidikan tinggi termasuk institusi pendidikan guru. Berdasarkan dokumen *The Roadmap 2015-2025*, PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM perlu berada pada tahap minimum CEFR C1. Pensyarah dan pegawai yang mendidik atau membimbing guru BI perlu berada pada tahap CEFR C2.

4. Mesyuarat Profesional KPM Bilangan 11/2019 yang dilaksanakan pada 21 Mac 2019 telah bersetuju dan meluluskan cadangan pelaksanaan penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR dalam kalangan PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM. Mesyuarat memutuskan bahawa PPP opsyen BI pendidik murid (guru) perlu mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 manakala PPP opsyen BI pendidik guru (pensyarah) dan pegawai yang membimbing guru BI perlu mencapai tahap penguasaan CEFR C2. Mesyuarat juga telah bersetuju untuk menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Berdasarkan CEFR dalam kalangan PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM.

5. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bilangan 5/2019 yang diadakan pada 5 April 2019 dan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) yang diadakan pada 31 Julai 2019 telah bersetuju dan meluluskan cadangan pelaksanaan penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR dalam kalangan PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM. Mesyuarat memutuskan bahawa PPP opsyen BI, iaitu pendidik murid (guru) perlu mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 manakala PPP opsyen BI, iaitu pendidik guru (pensyarah) dan pegawai yang membimbing guru BI perlu mencapai tahap penguasaan CEFR C2.

PELAKSANAAN

6. Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Berdasarkan CEFR dalam kalangan PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM yang dilampirkan bersama-sama surat pekeliling ini adalah untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat secara terperinci.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2017: Penggunaan Pelbagai Ujian Bahasa Inggeris Berdasarkan Piawaian *Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi Menentukan Tahap Penguasaan Guru dan Pensyarah Opsyen Bahasa Inggeris yang Berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2017 bertarikh 23 Jun 2017 adalah **dibatalkan**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada semua PPP opsyen BI di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




DATUK DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

**PELAKSANAAN PENETAPAN TAHAP PENGUASAAN BAHASA
INGGERIS BERDASARKAN PIAWAIAN *COMMON EUROPEAN
FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES* DALAM
KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN OPSYEN
BAHASA INGGERIS YANG BERKHIDMAT DI INSTITUSI
PENDIDIKAN/JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/PEJABAT
PENDIDIKAN DAERAH BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS BERDASARKAN PIAWAIAN *COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES* DALAM KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN OPSYEN BAHASA INGGERIS YANG BERKHIDMAT DI INSTITUSI PENDIDIKAN/JABATAN PENDIDIKAN NEGERI /PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SYARAT KELAYAKAN TAHAP CEFR

1. Takrifan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam garis panduan ini merujuk kepada pegawai yang dilantik secara tetap dalam skim perkhidmatan pendidikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) seperti yang berikut:

- 1.1. masih berkhidmat dan bertugas di institusi pendidikan/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- 1.2. opsyen/mengajar/membimbing guru/membina kurikulum/membina soalan peperiksaan Bahasa Inggeris (BI); dan
- 1.3. merangkumi opsyen *major* dan *minor* BI serta semua ijazah sarjana muda yang berkaitan dengan BI.

2. Takrifan opsyen BI merangkumi opsyen major dan minor BI serta semua ijazah sarjana muda yang berkaitan dengan BI.

3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan opsyen Bahasa Inggeris (PPP opsyen BI) yang perlu berada pada tahap minimum CEFR C1 (Kumpulan 1) merangkumi mereka yang mengajar dan tidak mengajar BI. Senarai adalah seperti yang berikut:

- 3.1. PPP opsyen BI di sekolah rendah;
- 3.2. PPP opsyen BI di sekolah menengah;
- 3.3. PPP opsyen BI di kolej tingkatan enam;
- 3.4. PPP opsyen BI di kolej vokasional;
- 3.5. PPP opsyen BI di kolej matrikulasi; dan
- 3.6. PPP opsyen BI yang bertugas sebagai *School Improvement Partners Plus* (SIPartners+).

4. PPP opsyen BI yang perlu berada pada tahap CEFR C2 (Kumpulan 2) adalah seperti yang berikut:

- 4.1. PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG);
- 4.2. PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pensyarah di *English Language Teaching Centre* (ELTC);
- 4.3. PPP opsyen BI yang dilantik sebagai *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+); dan
- 4.4. PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pegawai pembimbing guru BI sekolah rendah dan sekolah menengah di PPD.

5. Semua PPP opsyen BI yang belum mencapai tahap CEFR C1 atau C2 perlu menduduki ujian penguasaan BI bermula tahun 2019 untuk mencapai tahap CEFR yang ditetapkan. Senarai ujian yang boleh diduduki oleh PPP opsyen BI yang telah diijarkan kepada CEFR adalah seperti dalam **LAMPIRAN 1**. Senarai ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

6. Tahap penguasaan minimum CEFR C1 akan diambil sebagai syarat penempatan bagi guru pelatih bidang BI IPG dan Universiti Awam (UA) bermula tahun 2022.

7. Tahap penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR minimum C1 PPP opsyen BI perlu diberi keutamaan untuk perkara yang berikut:

- 7.1 penggubal/penilai kurikulum BI;
- 7.2 pembina item/pemeriksa kertas peperiksaan awam BI;
- 7.3 penyemak/penilai buku teks/bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam BI;
- 7.4 permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dalam bidang BI.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

8. Peranan dan tanggungjawab setiap PPP opsyen BI adalah seperti yang berikut:

8.1 PPP opsyen BI di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej tingkatan enam dan kolej vokasional:

- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
- ii. memaklumkan keputusan ujian kepada pihak JPN jika mengambil ujian selain daripada *Malaysian University English Test (MUET)* dan *Aptis Advanced*; dan
- iii. menyerahkan salinan sijil kepada pihak JPN.

8.2 PPP opsyen BI yang berkhidmat di kolej matrikulasi:

- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
- ii. memaklumkan keputusan ujian kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi; dan
- iii. menyerahkan salinan sijil kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi.

8.3 PPP opsyen BI yang berkhidmat sebagai SIPartners+:

- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
- ii. memaklumkan keputusan ujian kepada pengarah JPN; dan
- iii. menyerahkan salinan sijil kepada pengarah JPN.

8.4 PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pensyarah di IPG:

- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
- ii. memaklumkan keputusan ujian kepada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM); dan
- iii. menyerahkan salinan sijil kepada Rektor IPGM.

- 8.5 PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pensyarah di ELTC:
- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
 - ii. memaklumkan keputusan ujian kepada Pengarah ELTC; dan
 - iii. menyerahkan salinan sijil kepada Pengarah ELTC.

- 8.6 PPP opsyen BI yang bertugas sebagai SISC+ dan pegawai pembimbing guru BI sekolah rendah dan sekolah menengah di PPD:
- i. menduduki ujian tahap penguasaan seperti yang tersenarai dalam **LAMPIRAN 1**;
 - ii. memaklumkan keputusan ujian kepada Pengarah JPN; dan
 - iii. menyerahkan salinan sijil kepada Pengarah JPN.

9. Ketua jabatan memastikan semua PPP opsyen BI yang berkhidmat di institusi pendidikan/JPN/PPD bawah KPM telah menduduki ujian dan mencapai tahap penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR yang ditetapkan.

10. Rektor/Pengarah bahagian/Pengarah JPN mengesahkan salinan keputusan ujian yang diduduki oleh PPP opsyen BI di jabatan masing-masing dan menghantar melalui emel kepada Pengarah ELTC untuk tujuan perekodan.

11. Pengarah ELTC memastikan keputusan tahap penguasaan PPP opsyen BI (pendidik murid) dimuat naik dalam sistem e-Operasi.

12. Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia dan Pengarah Lembaga Peperiksaan memastikan pemeriksa kertas peperiksaan awam berada pada tahap penguasaan minimum CEFR C1.

PENGURUSAN

13. Semua PPP opsyen BI yang belum mencapai tahap penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR yang ditetapkan perlu:

- 13.1 memilih salah satu ujian penguasaan BI yang disenaraikan dalam **LAMPIRAN 1**;
- 13.2 mendaftar dengan pembekal perkhidmatan untuk menduduki ujian penguasaan BI yang dipilih;
- 13.3 membayar yuran ujian tersebut; dan
- 13.4 mengemukakan salinan keputusan ujian tahap penguasaan BI kepada ketua jabatan masing-masing bagi tujuan pengesahan seperti pada Perkara 10.

14. PPP opsyen BI yang belum mencapai tahap penguasaan BI berdasarkan piawaian CEFR yang ditetapkan boleh mendaftar untuk kursus peningkatan kemahiran BI yang dianjurkan oleh ELTC secara dalam talian.

PENGECUALIAN

15. Semua PPP opsyen BI yang akan bersara **WAJIB** dalam tempoh dua (2) tahun tidak diwajibkan menduduki ujian penguasaan BI.

SENARAI UJIAN YANG DIJAJARKAN DENGAN CEFR

SENARAI UJIAN YANG BOLEH DIDUDUKI OLEH KUMPULAN 1 DAN KUMPULAN 2

1	<i>Malaysian University English Test (MUET)</i>
2	<i>International English Language Testing System (IELTS)</i>
3	<i>C2 Proficiency (CPE)</i>
4	<i>Aptis Advanced</i>
5	<i>C1 Advanced (CAE)</i>

SENARAI UJIAN YANG BOLEH DIDUDUKI OLEH KUMPULAN 1 SAHAJA

1	<i>Test of English as a Foreign Language (TOEFL)</i>
2	<i>Linguaskills</i>